



## **JABATAN AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN**

### **TEKS KHUTBAH**

**Tajuk :**

**AL-QURAN DIHAYATI, UMMAH DIBERKATI**  
(Sempena Nuzul Al-Quran)

**Tarikh Dibaca :**

**12 RAMADAN 1440H/  
17 MEI 2019M**

**Disediakan oleh :**

**Cawangan Khutbah Dan Latihan  
Bahagian Pengurusan Masjid  
Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan**



## AL-QURAN DIHAYATI, UMMAH DIBERKATI

Sempena Nuzul Al-Quran

17 Mei 2019M/ 12 Ramadan 1440H

الْحَمْدُ لِلّٰهِ الَّذِي أَنْزَلَ عَلَى عَبْدِهِ الْكِتَابَ وَلَمْ يَجْعَلْ لَهُ عِوْجَانَا، أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، مَنِ اتَّقَاهُ وَتَوَكَّلَ عَلَيْهِ جَعَلَ لَهُ مِنْ كُلِّ هِمٍ فَرَجاً، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ اتَّخَذَ الْقُرْآنَ سَبِيلًا إِلَى رَبِّهِ وَمَهْجَانَهُ، اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا.  
إِنَّمَا بَعْدَ، فِيَّا عِبَادَ اللّٰهِ، اتَّقُوا اللّٰهَ، أُوصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللّٰهِ وَطَاعَتِهِ فَمَنِ اتَّقَاهُ بِفِعْلٍ أَوْ أَوْامِرٍ وَاجْتِنَابِ النَّوَاهِي فَقَدْ فَازَ فَوْزًا عَظِيمًا.

أَعُوذُ بِاللّٰهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ

إِنَّ هَذَا الْقُرْآنَ يَهْدِي لِلّٰقِي هٰيَ أَقْوَمُ وَبُشِّرُ الْمُؤْمِنِينَ الَّذِينَ يَعْمَلُونَ الصَّالِحَاتِ أَنَّهُمْ أَجْرَاءُ

كِيرًا

### Sidang Jemaah yang berbahagia,

Pada hari yang mulia ini marilah kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan dengan ibadah puasa yang dilaksanakan ini, kita tergolong dalam kalangan mereka yang bertakwa dan beroleh kebahagiaan hidup di dunia hingga akhirat.



Khatib pada hari ini mengajak sidang Jemaah sekalian untuk sama-sama menghayati khutbah yang bertajuk: **“Al-Quran Dihayati, Ummah Diberkati”**.

### **Sidang Jemaah yang dirahmati Allah,**

AL-Quran adalah kitab agung umat Islam yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW. Sebagai seorang mukmin, kita yakin bahawa al-Quran merupakan kitab pedoman daripada Allah SWT. Kehebatan al-Quran tiada tandingannya sehingga tiada manusia yang berupaya untuk mencipta setanding dengannya walau pun beberapa ayat pendek. Penurunan al-Quran kepada manusia merupakan satu rahmat yang amat besar. Kita dituntut untuk membaca dan mengamalkan isi kandungan al-Quran supaya kita boleh menjadikannya sebagai rujukan asas dalam menjalani kehidupan seharian. Allah berfirman dalam surah al-Nahl ayat 89:

وَنَزَّلْنَا عَلَيْكَ الْكِتَبَ تَبَيَّنَتْ لِكُلِّ شَئٍ وَهُدًى وَرَحْمَةً وَبُشْرَى لِلْمُسْلِمِينَ ﴿٨٩﴾

Bermaksud: “*Dan Kami turunkan kepada kamu al-Quran menjelaskan tiap-tiap sesuatu dan menjadi hidayah petunjuk serta membawa rahmat dan berita yang menggembirakan bagi orang Islam.*”

### **Sidang Jemaah yang dirahmati Allah,**

Budaya penghayatan al-Quran berkembang dengan baik dalam masyarakat kita hari ini. Banyak majlis rasmi yang dianjurkan dimulakan dengan bacaan al-Quran. Perkara ini wajar diberikan pujian dan patut dikekalkan. Alunan al-Quran melalui kelas pengajian Tarannum, kelas Tajwid, tafsir al-Quran dan sebagainya memberi gambaran bahawa usaha-usaha menghayati al-Quran sentiasa dilaksanakan. Lebih-lebih lagi di bulan Ramadan ini, program tadarus al-Quran sangat rancak dianjurkan. Sebagai mukmin, kita dituntut



untuk menghayati dan membudayakan al-Quran dalam kehidupan kita serta ahli keluarga dengan menggiatkan beberapa usaha, antaranya:

**Pertama: Sentiasalah melazimi membaca al-Quran.**

Pembacaan al-Quran akan memberi kekuatan dalaman yang luar biasa bagi pembacanya. Dekatilah al-Quran dengan membacanya setiap hari semampu yang boleh. Ibnu Hibban meriwayatkan daripada Abu Zar RA bahawa Nabi SAW berpesan kepadanya dengan bersabda:

عَلَيْكَ بِتَلَاوَةِ الْقُرْآنِ فَإِنَّهُ نُورٌ لَكَ فِي الْأَرْضِ، وَذُخْرٌ لَكَ فِي السَّمَاءِ.

Bermaksud: “Kamu wajib melazimkan dirimu membaca Al-Quran kerana ia adalah cahaya untuk kamu di bumi dan perbendaharaan untuk kamu di langit.”

Allah SWT dan RasulNya telah memberikan jaminan syafaat yang begitu banyak hanya dengan membaca al-Quran. Renungkanlah hadis riwayat Imam Muslim daripada Abu Umamah al-Bahili RA bahawa Nabi SAW bersabda:

اَقْرِئُوا الْقُرْآنَ فَإِنَّهُ يَأْتِي يَوْمَ الْقِيَامَةِ شَفِيعًا لِأَصْحَابِهِ

Bermaksud : “Bacalah al-Quran kerana ia akan datang pada hari akhirat kelak sebagai pemberi syafaat kepada tuannya.”

Alangkah ruginya kita jika kita dapat meluangkan masa untuk menonton televisyen, melayari internet, whatsapp, instagram dan lain-lain lagi, tetapi kita tidak boleh memperuntukkan sedikit masa untuk membaca al-Quran.

**Kedua: Fahamilah al-Quran.**



Al-Quran mengandungi ilmu dan petunjuk dalam pelbagai ilmu seperti tauhid, hukum-hakam, syariat, kisah bangsa-bangsa terdahulu, sains dan banyak lagi. Oleh kerana itu berusahalah sebaik mungkin untuk memahaminya. Yang pasti al-Quran akan sentiasa memberi pedoman kepada para pembaca setiap kali mereka membacanya dengan penuh tadabbur. Firman Allah SWT dalam surah Saad ayat 29:

كِتَابٌ أَنزَلْنَاهُ إِلَيْكَ مُبِّرٌ كُ لَّيَتَرُوا مَا يَنْتَهُ وَلَيَتَذَكَّرُ أُولُو الْأَلْبَابِ ٢٩

Bermaksud: "(Al-Quran ini) sebuah *Kitab* yang Kami turunkan kepadamu (dan umatmu wahai Muhammad), -*Kitab* yang banyak faedah-faedah dan manfaatnya, untuk mereka memahami dengan teliti kandungan ayat-ayatnya, dan untuk orang-orang yang berakal sempurna beringat mengambil iktibar. "

Dengan ledakan Revolusi Industri 4.0 hari ini, al-Quran beserta terjemahannya amat mudah untuk didapati. Jika dahulu mungkin agak mencabar untuk membawa al-Quran, tetapi hari ini kita mempunyai telefon bimbit yang boleh menyimpan pelbagai aplikasi al-Quran. Oleh itu, jadikanlah pembacaan dan pemahaman al-Quran sebahagian daripada gaya hidup kita.

### Ketiga: Amalkan al-Quran.

Mengamalkan al-Quran merupakan elemen paling penting dalam penghayatan al-Quran. Bagi memastikan kita dapat mengamalkan al-Quran dengan baik, kita perlu berusaha bersungguh-sungguh bagaimana untuk memahami ajarannya. Lantaran itu, kita perlu menekuni kisah-kisah, hukum hakam dan mengambil ibrah serta pengajaran daripada al-Quran untuk diamalkan dalam kehidupan sehari-hari kita. Jadikan al-Quran tempat rujukan



utama dalam menghadapi segala kesulitan dan permasalahan. Nescaya agama dan kehidupan kita akan terpandu dan menjamin maqasid al-Syariah.

#### **Keempat : Aplikasikan tuntutan al-Quran dalam interaksi sosial.**

Masyarakat Islam khususnya di Negara ini adalah terdiri daripada pelbagai bangsa dan keturunan. Kepelbagaian ini mewujudkan jurang perbezaan di antara kaum dari aspek sosial, adat dan pemikiran. Namun, Allah SWT telah memberi panduan dan pengajaran kepada kita melalui al-Quran supaya perbezaan-perbezaan tersebut dapat diharmonikan. Al-Quran sangat mementingkan aspek persaudaraan, perdamaian, kebersamaan, tolak ansur, tolong-menolong, belas kasihan dan sebagainya. Malah, al-Quran juga mendidik manusia supaya menghindari daripada perpecahan, perbalahan, kezaliman, diskriminasi, perbuatan khianat, dengki dan lain-lain. Ingatlah firman Allah SWT di dalam surah al-Hujurat ayat 13 :

يَأَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُم مِّنْ ذَرَّةٍ وَأَنْتُمْ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِيلَ لِتَعْرَفُو إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَنْتُمْ كُمْ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ بِخَيْرٍ

۱۳

Bermaksud : “Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih taqwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam PengetahuanNya (akan keadaan dan amalan kamu).”

**Para tetamu Allah yang diberkati,**



Ramadan adalah bulan terbaik untuk kita lebih mendekati al-Quran. Inilah masanya kita berusaha untuk mengkhatamkan al-Quran dengan cara dan kaedah yang sesuai seperti mengambil masa selepas solat fardhu untuk membaca al-Quran sekurang-kurang empat halaman al-Quran. Bahkan, waktu sebelum berbuka puasa juga adalah sangat sesuai sambil menunggu azan berkumandang. Jika disiplin ini kita berjaya lakukan, insyaAllah kita berjaya mengkhatamkan al-Quran pada bulan yang penuh keberkatan ini.

Mengakhiri khutbahmarilah kita menghayati beberapa kesimpulan bersempena dengan peristiwa Nuzul Al-Quran sebagai pedoman untuk menghidupkan Ramadan, antaranya:

**Pertama :** Penurunan al-Quran merupakan anugerah agung dari Allah SWT kepada Rasulullah SAW dan seluruh umat baginda yang menjadi rahmat kepada sekalian alam.

**Kedua :** Kita hendaklah membudayakan pembacaan dan pemahaman al-Quran. Yakinlah bahawa al-Quran adalah petunjuk dalam kehidupan muslim.

**Ketiga :** Yakinlah, jika kita mentadabbur dan mengamalkan al-Quran, pasti al-Quran akan menjadi syafaat kepada kita di akhirat kelak.

Firman Allah SWT di dalam surah Ibrahim ayat 1 :

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ  
الرَّ كِتَبَ أَنْزَلْنَاهُ إِلَيْكَ لِتُخْرِجَ النَّاسَ مِنَ الظُّلْمَتِ إِلَى النُّورِ بِإِذْنِ رَبِّهِمْ إِلَى  
صِرَاطِ الْعَزِيزِ الْحَمِيدِ

Bermaksud : “Alif, Lam, Ra. Ini adalah kitab (al-Quran) Kami turunkan kepada kamu (Muhammad) supaya engkau mengeluarkan umat manusia seluruhnya



*dari pada gelap gelita kufur kepada cahaya iman dengan izin Tuhan mereka ke jalan Allah yang Maha Kuasa Lagi Amat Terpuji . ”*

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَأَيَّا كُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،  
وَتَقْبَلَ مِنِي وَمِنْكُمْ تَلَاقُتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ。 أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي  
وَلَكُمْ وَلِجَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ  
وَيَا نَجَاهَةَ التَّائِيِّينَ。

## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَلِي الصَّالِحِينَ وَنَاصِرِ الْمَظْلُومِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى النَّبِيِّ  
الْأَمِينِ، صَفْوَةِ الْمُرْسَلِينَ وَإِمَامِ الْمُتَقِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ، وَعَلَى التَّابِعِينَ  
وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهُدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، الْمَلِكُ الْحَقُّ الْمُبِينُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ سَيِّدَنَا  
مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، الصَّادِقُ الْوَعُودُ الْأَمِينُ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقْوَاهُ، وَحَافِظُوا عَلَى صَلَاةِ الْجَمَاعَةِ، وَكُونُوا  
إِخْرَاجًا مُتَحَابِينَ فِي اللَّهِ。 وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى أَمْرُكُمْ بِأَمْرٍ بَدَأَ فِيهِ بِنَفْسِهِ، وَتَنَزَّلَ  
بِمَلَائِكَتِهِ الْمُسِيحَةِ بِقُدْسِهِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى فِي حُكْمِ تَنْزِيلِهِ:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ، يُصَلِّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَأْمُرُهَا أَلَّذِينَ ءَامَنُوا صَلَوَاتُهُ عَلَيْهِ وَسَلَامُهُ تَسْلِيمًا



اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

وَأَرْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلُفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمَهْدِيَّينَ : أَئِي بَكْرٌ وَعُمَرٌ وَعُثْمَانٌ وَعَلِيٌّ، وَأَرْضَ اللَّهُمَّ عَنْ سَائِرِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَأَرْضَ عَنَّا مَعْهُمْ بِمِنْكَ وَكَرِمِكَ وَإِحْسَانِكَ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.

اللَّهُمَّ أَيْدِي بِدَوَامَ التَّوْفِيقِ وَالْهِدَايَةِ وَالصِّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ مَلِكَنَا كَبَاوَهُ دُولِي يَعِ شَهِيْدَ مَهَا مُولِيَا سَرِيْ فَدُوكَ بَكِينِدا يَعِ دَفَرَتَوَانَ اكْنُوْغَ، السُّلْطَانُ عَبْدُ اللَّهِ رِعَايَةُ الدِّينِ الْمُصْطَفَى بِاللَّهِ شَاهُ ابْنُ سُلْطَانَ حَاجِ أَحْمَدَ شَاهَ الْمُسْتَعِينَ بِاللَّهِ.

وَكَذِلِكَ كَبَاوَهُ دُولِي يَعِ شَهِيْدَ مَهَا مُولِيَا سَرِيْ فَدُوكَ بَكِينِدا راجِ فِرْمَايِسُورِيِّ اكْنُوْغَ، تُونِكُو (Tunku) حَاجِهِ عَزِيزَةِ أَمِينَةِ مِيمُونَةِ إِسْكَنْدَرِيَّةِ بِنْتِ الْمَرْحُومِ الْمُتَوَكِّلِ عَلَى اللَّهِ سُلْطَانِ إِسْكَنْدَرِ الْحَاجِ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوُزَرَاءَهُ وَقُضَاهُ وَعَمَالَهُ وَرَعَايَاهُ مِنَ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ .

اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيْزِيَا آمِنَاً مُطْمَئِنًا، سَخَاءَ رَخَاءَ، دَارَ عَدْلٍ وَإِيمَانٍ، وَآمِنٍ وَآمَانٍ، وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ .



اللَّهُمَّ أَعِرِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ فِي كُلِّ مَكَانٍ وَحِينٍ، وَانصُرْ مِنْ نَصَارَةِ الدِّينَ، وَاخْذُلْ مِنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِلْ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ أَلْفِ بَيْنَ قُلُوبِنَا، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنَنَا، وَاهْدِنَا سُبُّلَ السَّلَامِ، وَنَجِّنَا مِنَ الظُّلُمَاتِ إِلَى النُّورِ، وَجَنِّبْنَا الْفَوَاحِشَ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ، وَبَارِكْ لَنَا فِي أَسْمَاعِنَا، وَأَبْصَارِنَا، وَقُلُوبِنَا، وَأَرْوَاحِنَا، وَذُرِّيَّاتِنَا، وَتُبْ عَلَيْنَا إِنَّكَ أَنْتَ التَّوَابُ الرَّحِيمُ، وَاجْعَلْنَا شَاكِرِينَ لِنِعَمِكَ، مُشْتِينَ بِهَا عَلَيْكَ، قَائِلِينَ لَهَا وَأَتَمِّنَاهَا عَلَيْنَا. رَبَّنَا آتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعُدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَاتِ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ

﴿٩٠﴾

وَالْبَغْيِ يَعْظُمُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ

فَإِذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعْمَهِ يَزِدُّكُمْ وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.